

## WANITA MEMENDEKKAN RAMBUT

### Soalan:

Bolehkah wanita memendekkan rambutnya hingga ke paras bahu? Adakah ia dinamakan meniru gaya lelaki?

### Jawapan:

Setakat pengetahuan saya, tidak pernah menemui di dalam al-Quran, hadis dan atsar bahawa terdapat larangan wanita memendekkan rambutnya. Apa yang diperselisihkan oleh ulama, mengenai larangan wanita membotak atau mencukur rambutnya.

Jika telah berkahwin, mintalah keizinan suami agar mendapat keredhaan. Persetujuan dari kedua-dua belah pihak amat penting untuk menjamin keharmonian rumah tangga. Abu Salamah bin Abdul Rahman berkata:

وَكَانَ أَزْوَاجُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْخُذْنَ مِنْ رُءُوسِهِنَّ حَتَّى تَكُونَ كَالْوَفْرَةِ

Maksudnya:

*"Isteri-isteri Nabi s.a.w biasa memotong rambut mereka (selepas kewafatan Nabi s.a.w) sehingga pendek (berhampiran cuping telinga)." – Hadis riwayat Muslim.*

Paling penting, gaya pemotongan rambut tidak meniru gaya pemotongan rambut dan trend golongan kuffar atau ahli maksiat (fasiq) seperti memendekkan rambut di bahagian belakang dan membiarkan rambut depan panjang, mewarnakan rambut dengan pelbagai warna dan sebagainya. Menurut Ibn Umar r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya:

*“Sesiapa meniru gaya hidup sesuatu kaum, dia termasuk di kalangan mereka.” - Hadis sahih riwayat Abu Daud.*

Bertakwalah kepada ALLAH dan jauhi larangan Nabi s.a.w agar tidak meniru gaya kuffar sama ada cara berpakaian, pemotongan rambut dan sebagainya. Imam Abu Daud meletakkan hadis di bawah dalam bab memakai pakaian kemasyhuran (trend atau gaya bukan Islam). Wallahu a’lam.

## **WANITA MENCUKUR BULU ROMA**

### **Soalan:**

Berdosakah jika seorang wanita itu mempunyai bulu roma yang lebat seperti mencabut, mencukur atau memotong bulunya? Apakah kesannya?

### **Jawapan:**

Menurut pemahaman saya, harus wanita mencukur bulu selain rambut dan kening. Saya tidak pernah menemui perselisihan ulama mengenainya. Justeru, harus wanita mencukur atau menghilangkan bulu yang lebat selain rambut dan kening kerana ia didiamkan oleh ALLAH dan Rasulnya. Menurut Abu al-Darda’ r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ فَاقْبَلُوا مِنْ  
اللَّهِ عَافِيَتَهُ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴾

### **Maksudnya:**

*“Apa sahaja yang dihalalkan oleh ALLAH di dalam kitab-NYA maka ia halal bagi kamu. Apa sahaja yang diharamkan oleh ALLAH di dalam kitab-NYA maka ia diharamkan ke atas kamu. Apa sahaja didiamkan oleh ALLAH, ia menjadi satu kemaafan bagi kamu (jika dilakukan dan*

*tidak berdosa). Oleh itu, terimalah perkara yang dimaafkan daripada ALLAH itu. Firman ALLAH S.W.T: Dan TUHAN engkau (wahai Muhammad) tidak pernah lupa.” – Hadis riwayat al-Tobrani di dalam sunannya dan al-Hakim di dalam al-Mustadrak. Melalui jalan riwayat ini, al-Albani mengesahkannya.*

Justeru, wanita yang memiliki bulu lengan, paha dan betis yang lebat atau misai yang lebat seperti lelaki harus menghilangkannya dengan apa cara sekalipun kerana menyanggahi fitrah kejadian wanita dan mengaibkannya. Di zaman moden ini, pelbagai kaedah diperkenalkan untuk tujuan itu dan harus dilakukan insya-ALLAH. Melalui teknologi moden sekarang, ada sistem yang boleh menghilangkan bulu kaki ‘permanently’ tanpa perlu selalu mencukurnya.

Menurut pengkajian saya, memang terdapat kesan sampingan hasil dari mencukur bulu sama ada lelaki atau wanita tetapi tidak memudaratkan seperti bulu menjadi lebih kasar dan lebat. Justeru, jika ia tidak mengaibkan sebaiknya dibiarkan sahaja. Wallahu a’lam.

## **MENCABUT ATAU MENCUKUR BULU KENING**

### **Soalan:**

Apakah hukum wanita menghiasi bulu kening dengan mencukur, menipis atau mencabutnya?

### **Jawapan:**

Perbuatan memendek, mencabut atau menipis bulu kening sebagaimana dilakukan oleh kebanyakan wanita pada hari ini hukumnya haram walaupun bertujuan menghias diri. Ini kerana, perbuatan itu termasuk kategori mengubah ciptaan ALLAH. Menurut Ibn Mas’ud r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالْمُتَمَلِّجَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ  
اللَّهُ تَعَالَى مَا لِي لَا أَلْعَنُ مَنْ لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ: ﴿  
وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا﴾

Maksudnya:

*“ALLAH melaknat wanita pembuat tatu dan wanita yang meminta dibuat tatu, pencabut bulu kening atau orang yang meminta dicabut bulu keningnya dan wanita yang suka mengikir gigi bertujuan mengubah kejadian ALLAH agar nampak lebih cantik. Justeru, mengapa aku tidak melaknat orang yang dilaknat oleh Nabi s.a.w sedangkan ia diperintahkan oleh ALLAH di dalam al-Quran: Apa sahaja yang didatangkan oleh Rasul (sunnah) kepada kamu semua ambillah dan apa sahaja yang dilarang oleh Rasul kepada kamu tinggalkanlah.”* – Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim dan selain mereka.

Semua ketahui, masih banyak perhiasan yang dibenarkan oleh syarak. Mengapa perbuatan haram itu juga yang ingin dilakukan sedangkan larangan itu hanyalah sebagai ujian daripada ALLAH untuk membezakan antara hamba-hamba-NYA yang benar-benar akur dengan perintah dan larangan. Wallahu a’lam.

## MEWARNAKAN RAMBUT

**Soalan:**

Apakah hukum mewarnakan rambut dengan warna merah, kuning atau apa-apa warna? Bagaimana pula jika dilakukan oleh remaja atau muda-mudi yang masih belum beruban kerana mengikut hadis ia disunnahkan jika beruban?

**Jawapan:**

Boleh mewarnakan rambut dengan warna selain hitam. Malah, hukum itu tidak dikhususkan kepada orang tua, remaja atau golongan muda. Cuma, sunnah itu lebih ditekankan kepada sesiapa yang beruban agar mewarnakan rambutnya sebagai cara menyanggahi amalan kaum yahudi atau kristian. Menurut Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى لَا يَصْبُغُونَ فَخَالِفُوهُمْ

Maksudnya:

*“Sebenarnya kaum yahudi dan kristian tidak mewarnakan uban mereka. Oleh itu, janganlah meniru gaya mereka (dan warnakan uban itu).”* – Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Menurut kefahaman saya, tidak mengapa mewarnakan rambut walaupun masih belum beruban dengan syarat tidak mewarnakannya dengan warna hitam. Ini kerana, terdapat larangan daripada Rasulullah s.a.w. Ibn Abbas r.a berkata: □

مَرَّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَّاءِ فَقَالَ مَا أَحْسَنَ هَذَا! قَالَ: فَمَرَّ آخَرُ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَّاءِ وَالْكَتَمِ فَقَالَ: هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا! قَالَ: فَمَرَّ آخَرُ قَدْ خَضَّبَ بِالصُّفْرَةِ فَقَالَ هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا كُلَّهُ

Maksudnya:

*“Seorang sahabat lelaki telah lalu di hadapan Nabi s.a.w dalam keadaan mewarnakan rambut dengan inai. Baginda berkata: Cantik sungguh warna itu. Ibn Abbas berkata lagi: Kemudian, lalu pula lelaki lain sambil mewarnakan rambut dengan warna inai bercampur dengan al-Katam (sejenis tumbuhan yang boleh menghasilkan dakwat seperti biru tua atau hijau lumut). Baginda berkata: Warna ini lebih baik daripada warna inai. Ibn Abbas berkata lagi: Kemudian, lalu pula lelaki lain sambil mewarnakan rambut dengan warna kekuningan. Baginda berkata: Warna ini lebih baik berbanding warna sebelum ini.”* – Hadis riwayat Abu Daud dengan sanad jayyid (baik).

Berdasarkan hadis ini, ia menunjukkan keharusan memilih warna selain hitam dan tidak membahaskan tentang warna yang diharuskan atau mensyaratkan beruban. Terbaik, bahan pewarna yang digunakan daripada tumbuhan semulajadi agar rambut tidak rosak. Wallahu a'lam.

## **KEUNTUNGAN MELEBIHI 10%**

### **Soalan:**

Bolehkah seorang peniaga mengaut keuntungan melebihi 10% dari hasil jualannya?

### **Jawapan:**

Keuntungan yang perlu diambil oleh peniaga tidak pernah ditetapkan oleh syarak. Tetapi, seorang muslim tidak boleh merancang sebarang penipuan dalam urusan niaga. Dia hendaklah menjual mengikut harga pasaran tanpa bercampur riba atau mengaut keuntungan yang terlampau. Malah, tidak boleh mengaut keuntungan yang banyak hingga menyusahkan pembeli. Sepatutnya, seorang peniaga perlu bertolak ansur ketika urus niaga sebagaimana saranan Rasulullah s.a.w. Wallahu a'lam.